

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 11/02/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional 17
Tajuk : RM 12.6 Juta Untuk Pinjaman Pelajar



ABDUL FATTAH (tengah) menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang kepada Safwana Afiqah Mahmood (tiga dari kiri) pada Majlis Penyerahan Dokumen Pembiayaan Pendidikan Yayasan Angkasa dan Penganugerahan Pelajar Cemerlang Yayasan Angkasa di Wisma Ungku Aziz, Petaling Jaya kelmarin.

RM12.6 juta untuk pinjaman pelajar

PETALING JAYA - Yayasan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) memperuntukkan sebanyak RM12.6 juta bagi membiayai pinjaman pendidikan kira-kira 1,000 pelajar sejak tahun 2000 hingga 2008.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, yayasan pendidikan itu bertanggungjawab menyediakan kemudahan boleh ubah iaitu biasiswa buat ahli koperasi dan anak-anak mereka melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi dalam negara.

"Pinjaman pendidikan itu merangkumi pembiayaan melanjutkan pengajian secara sepenuh masa, separuh masa selain pengajian jarak jauh (PJJ) sama ada di peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah

kedoktoran falsafah (PhD).

"Kami juga akan menukarkan pinjaman pelajar kepada biasiswa sekiranya mereka mendapat keputusan cemerlang sebagai langkah memberi motivasi untuk terus mencapai gred terbaik," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Dokumen Pembiayaan Pendidikan Yayasan Angkasa di sini kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Yayasan Angkasa, Mutadho Bahri; Naib Presiden Angkasa, Dr. Mohd. Azlan Yahya dan Ahli Lembaga Yayasan Angkasa, Datuk Md. Yusof Samsudin.

Abdul Fattah menambah, pelajar yang memperoleh pencapaian gred kelas pertama, pinjaman mereka akan ditukar menjadi biasiswa penuh manakala bagi gred

kelas kedua atas, hanya 60 peratus pinjaman ditukarkan kepada biasiswa.

"Pelajar yang mendapat gred kelas kedua bawah pula hanya 40 peratus pinjaman ditukarkan kepada biasiswa dan bagi lain-lain gred, pembiayaan perlu dibayar secara penuh.

"Setakat ini sebanyak RM8.23 juta atau kira-kira 70 peratus jumlah pinjaman telah ditukarkan kepada biasiswa sejak tahun 2000 selepas peminjam memperoleh keputusan cemerlang," ujarnya.

Terdahulu, sebanyak 112 pelajar turut menerima pinjaman pendidikan bagi tahun 2018-2019 melibatkan 85 pelajar ijazah sarjana muda sepenuh masa, 15 (PJJ), lapan (ijazah sarjana) dan empat (PhD).

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA